

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN :      BERTULIS**

**DARIPADA        :      DR. AZMAN B. ISMAIL  
[ KUALA KEDAH – PKR ]**

**SOALAN (NO. 460)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kos sepenuhnya membangunkan padang bola sepak di Stadium Bukit Jalil. Berapakah kos menyelenggara padang tersebut mengikut tahun dari mula. Teknologi apakah yang digunakan.

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan padang bola sepak di Stadium Nasional, KSN Bukit Jalil telah bermula pada Disember 2013 hingga 27 Ogos 2014. Kos sepenuhnya pembangunan padang bola sepak di Stadium Nasional Bukit Jalil sebanyak RM 1,583,111.50.
2. Kos penyelenggaraan padang bola sepak mengikut tahun iaitu tahun 2009 bernilai RM 729,410.00, tahun 2010 bernilai RM 614,180.00, tahun 2011 bernilai RM 454,800.00, tahun 2012 bernilai 381,368.11 dan tahun 2013 bernilai RM 137,000.00.
3. Teknologi yang digunakan ialah penggunaan teknologi GAT iaitu sistem pengakaran rumput yang sesuai dengan jenis rumput dan pasir sebagai lapisan tanah. Syarikat mengesyorkan penggunaan pasir sepenuhnya kerana keupayaan pasir pada serapan air dan tambahan penggunaan *biofiber* (GAT) sebagai bahan penguat pada lapisan akar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL  
[KUALA KEDAH ]**

**SOALAN : 461**

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan pendirian Kementerian Pengangkutan terhadap cadangan membangunkan lapangan terbang di kawasan Sungai Petani-Kulim,Kedah.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berhubung cadangan Kerajaan Negeri Kedah untuk membina lapangan terbang yang baharu di negeri itu, Kerajaan Persekutuan hanya dapat memberi keputusan selepas kajian “*feasibility*” berhubung keperluan sebuah lapangan terbang di *Northern Corridor Airports* untuk dilaksanakan.

Unit Perancang Ekonomi (EPU) sedang dalam proses melantik juru perunding dalam melaksanakan kajian tersebut yang dijangka siap dalam tempoh 6 bulan. Pihak EPU telah mengadakan tender terbuka yang bermula pada 6 Februari 2015 sehingga 6 Mac 2015. Kajian ini dijangka siap pada akhir bulan November 2015.